

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 28 MEI 2015

RUJUKAN : 7916

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Pejabat Pendaftaran Negara di Pasir Gudang akan dipindahkan ke lokasi baru di Pusat Bandar Pasir Gudang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk memindahkan Pejabat Pendaftaran Negara, Pasir Gudang yang terletak di No. 15 & 15 A, Jalan Selambak 14, Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang ke lokasi baru di Pusat Bandar Pasir Gudang. Hal ini kerana pejabat tersebut masih mampu untuk menampung keperluan pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Pasir Gudang dan kawasan sekitar yang berhampiran dengannya selain dapat menjimatkan kos penyewaan yang ditanggung oleh Kerajaan. Jarak di antara pejabat lama dan pejabat baru ini juga hanyalah 4 km.

Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) masih mempunyai kontrak penyewaan pejabat yang berkuatkuasa dari 1 Disember 2013 hingga 30 November 2016 dengan kadar sewaan yang ditawarkan adalah berpatutan dan telah diperakui oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bersesuaian dengan kedudukan kewangan kerajaan. Ini adalah berbanding dengan keputusan pihak pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang iaitu Harta Consult Sdn. Bhd untuk mengenakan kadar sewaan pejabat yang tinggi kepada Jabatan Pendaftaran Negara.

Di samping itu, keputusan untuk tidak berpindah ini juga adalah selaras dengan arahan Kerajaan yang mengarahkan agar semua Kementerian dan Jabatan mengambil langkah-langkah penjimatan dalam menguruskan peruntukan kewangan yang diberikan dan melaksanakan perbelanjaan berhemah. Ini termasuklah usaha untuk mengoptimumkan penggunaan ruang pejabat sedia ada bagi mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat.